



31 Januari 2013
31 January 2013
P.U. (A) 31

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI BAYARAN SEWA) (SYARIKAT BERSTATUS *TUN RAZAK EXCHANGE MARQUEE*) 2013

INCOME TAX (DEDUCTION FOR RENTAL PAYMENTS) (TUN RAZAK EXCHANGE MARQUEE STATUS COMPANY) RULES 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI BAYARAN SEWA)
(SYARIKAT BERSTATUS *TUN RAZAK EXCHANGE MARQUEE*) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah seperti berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Bayaran Sewa) (Syarikat Berstatus *Tun Razak Exchange Marquee*) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014.

Tafsiran

2. (1) Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“bangunan komersil” ertinya sebuah bangunan atau sebahagian daripada bangunan yang terletak di dalam *Tun Razak Exchange* tetapi tidak termasuk bangunan atau sebahagian daripada bangunan yang digunakan bagi maksud tempat penginapan.

“syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee*” ertinya—

- (a) institusi berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*] yang menjalankan perniagaan bank atau perniagaan bank saudagar atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;
- (b) syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 [*Akta 553*] yang menjalankan perniagaan insurans atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;

- (c) syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*] yang menjalankan perniagaan perbankan Islam atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;
- (d) syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 [*Akta 312*] yang menjalankan perniagaan takaful atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;
- (e) syarikat yang merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*];
- (f) seorang, selain daripada individu, yang merupakan orang berdaftar di bawah seksyen 76 atau 76A Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan

diluluskan oleh Menteri;

Tun Razak Exchange

3. *Tun Razak Exchange* ertinya kawasan yang di rujuk dalam pelan pembangunan diluluskan bagi “*Tun Razak Exchange* atas sebahagian Lot 1164, Lot 1207, Lot 1209, Lot 1210, Lot 1217, PT 122 Seksyen 62, Lot 205 – lot 208, sebahagian Lot 209, Lot 733, Lot 956, Lot 1309 – Lot 1311, Lot 1313, Lot 1314, Lot 1393, Lot 1364, PT 86, PT 109 – PT 121, PT 123 Seksyen 67 di Jalan Tun Razak/Jalan Davis, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur” termasuk mana-mana pertukaran berikutnya sebagaimana diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Potongan

4. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2) dan (3), dalam menentukan pendapatan pasaran syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee* daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, maka hendaklah